

Zurich Malaysia Lancar Savings Booster: Menawarkan Manfaat Kematangan Berganda Menerusi Kombinasi Zurich Prestige Cover



Memperkenalkan
**Zurich Prestige Cover
+ Savings Booster**

Jaminan Manfaat Kematangan Berganda pertama dalam industri bagi meningkatkan simpanan anda dan membina masa depan yang lebih bermakna!



KUALA LUMPUR, 18 September 2024 – Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (ZLIMB) dengan bangganya memperkenalkan Savings Booster, pelan manfaat tambahan (rider) simpanan yang direka khusus untuk individu yang mahukan keselamatan kewangan dengan gabungan unik bagi meningkatkan simpanan dan perlindungan. Rider ini merupakan pilihan terbaik untuk rakyat Malaysia yang sedang berusaha membina masa depan untuk diri sendiri dan insan yang dikasihi. Apabila digabungkan dengan Zurich Prestige Cover, ia menawarkan penyelesaian yang boleh dipercayai dengan pelbagai manfaat, termasuk ciri jaminan kematangan berganda yang pertama seumpamanya dalam pasaran Malaysia.

Perancangan kewangan boleh menjadi satu tugas yang mencabar, terutamanya apabila berhadapan dengan ketidakpastian masa depan. Dengan pelbagai produk kewangan yang ditawarkan, ramai merasa terbeban dan tidak pasti jika pilihan mereka adalah tepat. Inilah kelebihan Savings Booster yang menawarkan jaminan pulangan tunai tetap dan jaminan tempoh kematangan, bagi membantu individu menyesuaikan strategi simpanan mereka seiring dengan perubahan hidup.

Rider ini, apabila digabungkan dengan Zurich Prestige Cover, menawarkan lebih daripada sekadar pertumbuhan kewangan, ia turut memberikan ketenangan fikiran. Pelanggan akan menerima bayaran kematangan berganda secara sekali gus, pulangan tunai tetap dan perlindungan jangka panjang. Penyelesaian komprehensif ini direka untuk pencapaian paling penting dalam kehidupan, sama ada untuk membeli rumah, menghantar anak ke universiti, atau memastikan persaraan yang selesa, menjadikannya sebagai penyelesaian ideal untuk perancangan kewangan jangka sederhana dan jangka panjang.

Wakil Sah ZLIMB, Khoo Poh Beng berkata, “Sebagai penyelesaian simpanan pertama seumpamanya di Malaysia yang menawarkan manfaat kematangan berganda, gabungan Zurich Prestige Cover dan Savings Booster menetapkan standard baharu dalam pasaran. Dengan ciri-ciri seperti jaminan kematangan berganda, jaminan pulangan tunai dan jaminan perlindungan hayat, pelan ini dapat membantu rakyat Malaysia mengharungi kerumitan perancangan kewangan, memastikan simpanan mereka meningkat dengan stabil dan selamat dalam jangka masa yang lebih panjang. Produk ini

mencerminkan etos jenama kami, 'Lindungi Segala Perkara yang Bermakna' dengan menyediakan pertumbuhan kewangan di samping mengekalkan simpanan untuk generasi akan datang."

Ciri-ciri Utama* Savings Booster dan Zurich Prestige Cover:

- **Jaminan Manfaat Kematangan Berganda:** Menerusi penyelesaian simpanan ini, 530% premium tahunan Savings Booster akan diterima pada tahun ke-20 dan 650% premium tahunan Zurich Prestige Cover pada tahun ke-30, memberikan pembayaran yang selaras dengan fasa penting dalam kehidupan.
- **Jaminan Pulangan Tunai:** Nikmati pulangan tunai tahunan tetap bersamaan dengan 12.5% premium tahunan rider untuk 20 tahun, memastikan pulangan konsisten yang boleh dilaburkan semula atau digunakan untuk keperluan kewangan harian.
- **Jaminan Perlindungan Hayat:** Manfaat daripada jaminan perlindungan hayat selama 30 tahun, termasuk manfaat kematian dan Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (Total Permanent Disability), memberikan anda perlindungan apabila diperlukan.
- **Jaminan Penerimaan:** Proses permohonan yang mudah tanpa pemeriksaan perubatan, menjadikannya lebih mudah diakses oleh semua.
- **Jaminan Tempoh Pembayaran Premium:** Dengan tempoh pembayaran premium hanya 5 tahun, pelanggan boleh menikmati perlindungan jangka panjang dengan ketenangan fikiran.

Sempena pelancarannya, Zurich Malaysia turut menawarkan **Kempen Super Early Bird***, dari **13 hingga 27 September 2024**, pelanggan yang mendaftar untuk Zurich Prestige Cover dengan Savings Booster akan menerima tambahan 12.5% jaminan pulangan tunai dalam tahun pertama polisi mereka. Tawaran tempoh terhad bertujuan untuk memberi ganjaran kepada pelanggan awal dengan simpanan yang lebih besar, memberikan mereka permulaan yang baik dalam perancangan kewangan mereka.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Savings Booster dan Zurich Prestige Cover, sila layari laman sesawang rasmi di <https://www.zurich.com.my/Insurance-Products/Savings/For-My-Future/Savings-Booster>

*Tertakluk pada terma dan syarat.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.